

## **Kepentingan Patuh Syariah dalam Keperluan Pengurusan Kewangan**

### ***The Importance of Syariah Compliance in Financial Management Requirements***

**Hamidi Abdul Ghani<sup>1</sup> & Nasron Yaacob<sup>2</sup>**

<sup>1</sup> (Corresponding Author) Jabatan Al-Syariah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Nilam Puri 15730, Malaysia. e-mail: al\_humaidi011@yahoo.com

<sup>2</sup> Jabatan Usuluddin, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Nilam Puri 15730, Malaysia. e-mail: drnasron@gmail.com

### **ABSTRAK**

Pengurusan kewangan Islam merupakan satu sistem kewangan yang tentunya berteraskan sistem patuh syariah. Kepatuhan pada syariah ini merupakan satu keperluan kepada manusia untuk menguruskan hal ehwal kewangan dalam kehidupan seharian. Sistem patuh syariah dianggap dapat menjaga kesejahteraan kewangan manusia secara berhemah. Justeru, artikel ini akan membicara dan membentangkan tentang keperluan kehendak manusia untuk patuh kepada sistem kewangan patuh Syariah demi kemaslahatan hidup mereka. Artikel ini juga akan mengupas tentang kepentingan patuh syariah yang menjadi teras dalam pengurusan kewangan Islam. Objektif penulisan artikel ini adalah membentangkan ciri-ciri dalam pengurusan kewangan, dan kepentingan sistem patuh syariah yang menjadi dasar dalam urusan pengurusan kewangan, di samping melihat keperluan manusia kepada sistem tersebut. Kajian artikel ini adalah kajian kualitatif yang merujuk pada data dari buku-buku, artikel-artikel dan bahan dokumentasi yang berautoriti. Bahan-bahan dokumen ini menjadi rujukan teras artikel dalam kupasan tentang prinsip patuh syariah muamalat dan keperluannya dalam kehidupan manusia. Hasil kajian artikel dapat merumuskan bahawa pengurusan kewangan Islam yang diamalkan oleh pengamalnya adalah dapat memenuhi keperluan hidup yang sejahtera, dan ia ternyata adalah berlandaskan pada sistem patuh syariah yang sebenar.

**Kata Kunci:** Kepentingan; Patuh; Syariah; Keperluan; Pengurusan Kewangan

---

### **ABSTRACT**

*Islamic financial management is a financial system that is certainly based on a shariah-compliant system. Adherence to the shariah is a necessity for human beings to manage financial affairs in daily life. Shariah-compliant systems are considered to be able to maintain human financial well-being in a prudent manner. Thus, this article discusses and presents the need for humans in this shariah-compliant system of muamalat, for the benefit of their lives. This article also explores the importance of*

*shariah compliance which is at the core of Islamic financial management. The objective of writing this article is to present the characteristics in financial management, and the importance of a shariah-compliant system that is the basis in financial management, besides discovering the human need towards the system. This article review is a qualitative study that refers to data from authoritative books, articles and documentation materials. The materials of this document become the core reference of the article in the dissection of the principles of muamalat shariah compliance and its needs in human life. The results of the research article can conclude that Islamic financial management applied by its practitioners is able to meet the needs of a prosperous life, and it is grounded on a right shariah-compliant system.*

**Keywords:** Importance; Compliant; Sharia; Requirements; Financial management

---

## 1. Pendahuluan

Muamalat ialah aktiviti yang melibatkan perhubungan tatacara atau peraturan manusia sesama manusia untuk memenuhi keperluan masing-masing dalam bidang ekonomi dan sosial yang berlandaskan syariah Allah SWT (Ghani & Yaacob, 2021). Hukum muamalat yang berkaitan dengan pengurusan kewangan perlu difahami sebaiknya oleh masyarakat agar urusan tersebut dapat menjamin kesejahteraan di dunia dan juga di akhirat nanti. Ia merupakan sebahagian harta yang sangat penting dan diperlukan oleh manusia. Ia juga menjadi nadi kehidupan manusia dan tonggak bagi sesetengah syiar dalam Islam. Bahkan kehidupan manusia adalah mustahil dapat diteruskan tanpa adanya harta. Kerana itu, Islam telah menggalakkan pencarian harta dan rezeki dengan jalan dan cara yang betul (Ghani & Mohamad, 2009). Pencarian harta dalam skop aktiviti muamalat ini banyak disebut dalam al-Quran, antaranya firman Allah SWT:

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ ذُلُولًا فَامْشُوا فِي مَنَاكِبِهَا وَلْكُوْنُوا مِنْ رِزْقِهِ وَإِلَيْهِ النُّشُورُ

Terjemahan: Dialah yang menjadikan bumi bagi kamu mudah digunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya, serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah dan (ingatlah) kepada Allah jualah (tempat kembali kamu setelah) dibangkitkan hidup semula. (al-Mulk, 67: 15)

Pelaksanaan hukum muamalat dalam pengurusan kewangan perlu patuh dan mengikut hukum syarak yang telah ditetapkan oleh agama. Justeru konsep patuh syariah ini adalah merujuk kepada kepatuhan terhadap suruhan dan berwaspada dengan larangan Allah SWT, dengan harapan untuk mendapatkan keberkatan daripada-Nya (Mohamad & Mansor, 2018). Menurut Hamka (1993), kemakmuran ekonomi termasuk urusan muamalat mempunyai

kaitan dengan kemakmuran iman. Walau banyak mana sekalipun harta kekayaan, ia tidak akan membawa berkat sekiranya manusia tidak mempunyai iman dan takwa. Manakala kriteria muamalat patuh syariah secara umumnya adalah berlandaskan prinsip akidah, syariah dan akhlak dalam agama Islam. Penapisan urusan muamalat akan melibatkan hukum syarak, fatwa-fatwa semasa yang berkaitan, dan garis panduan sedia ada yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa agama (Opir et. al., 2017). Justeru pelaksanaan sistem patuh syariah ini sebenarnya adalah untuk mendatangkan kemaslahatan dan menghindari kerosakan (*mafsadah*) dalam muamalat kepada masyarakat awam (Kamri, 2020).

Objektif penulisan artikel ini adalah untuk menjelaskan keperluan kepada kehendak umat Islam terhadap pengurusan kewangan sebenar dalam sistem muamalat Islam untuk keharmonian kehidupan seharian. Ciri-ciri keperluan ini semestinya tiada dalam sistem ekonomi yang tidak patuh syariah, kerana sumber rujukan dan pegangan dalam pengurusannya adalah berbeza dengan sistem muamalat Islam. Selain itu, artikel ini juga cuba menjelaskan kepentingan pelaksanaan pengurusan kewangan yang patuh syariah kerana kaedah tersebut akan dapat mencapai keberkatan harta daripada Allah SWT. Pengurusan kewangan yang tidak selari dengan tuntutan syarak akan menjauahkan harta dan kehidupan umat Islam daripada keberkatan Ilahi. Hal ini akan memberikan kerugian kepada umat Islam tersebut sama ada di dunia, mahupun di akhirat kelak. Sehubungan itu, umat Islam perlu cakna terhadap kupasan artikel ini, agar kefahaman sebenar keperluan dan kepentingan pengurusan kewangan patuh syariah dapat diraikan dengan sebaiknya.

## 2. Metodologi Kajian

Kajian ini adalah berasaskan kajian kualitatif, dan pengumpulan data kajian ini adalah merujuk dokumentasi berbentuk buku, artikel, rencana dan seumpamanya yang boleh memberikan maklumat kualitatif yang diperlukan. Kajian ini menjelaskan keperluan umat Islam kepada sistem muamalat dalam pengurusan kewangan yang semestinya adalah bercirikan konsep patuh syariah. Kajian ini sepatutnya memberikan pendedahan maklumat yang mudah kepada masyarakat agar pelaksanaan muamalat Islam dalam pengurusan kewangan dapat dilaksanakan dengan sempurna. Pengetahuan mengenai keperluan pengurusan kewangan kepada umat Islam dan kepentingan patuh syariah ini dapat mengawal urusan kewangan agar tidak keluar dari landasan syariah yang sebenar. Sistem ekonomi ummah juga akan berkembang baik selaras dengan kehendak agama. Seterusnya tindakan harian umat Islam juga akan mendapat pimpinan sebenar daripada hukum syariah.

### 3. Dapatan Kajian

Sistem muamalat memiliki prinsip-prinsip yang berpaksikan kepada syariah Islam. Prinsip-prinsip tersebut ialah kebebasan, kerelaan, keadilan, perlindungan, kesopanan, penghapusan riba dan pengabdian (Ghani & Yaacob, 2021). Pemakaian prinsip-prinsip ini secara konsisten dalam sistem muamalat yang diamalkan akan menjamin kesejahteraan hidup manusia. Justeru itu, keperluan manusia kepada sistem muamalat yang sempurna dengan prinsip-prinsipnya adalah sangat signifikan.

Dengan sistem muamalat yang berlandaskan prinsip-prinsipnya, ia dapat menjamin keperluan hidup yang sederhana dan berpada tanpa pembaziran dan kerugian nilai. Ia juga dapat memenuhi keperluan harian yang diperlukan oleh sesebuah keluarga. Dengan pengamalan muamalat yang berprinsip juga dapat menyediakan peruntukan kewangan yang mungkin diperlukan untuk memenuhi keperluan luar jangka yang akan berlaku pada masa depan. Selain itu, persediaan bekalan harta warisan juga dapat dipenuhi melalui sistem muamalat berprinsip ini agar keperluan keluarga terjamin dengan peninggalan harta daripada ketua keluarga kerana kematian dan seumpamanya. Keperluan utama dalam sistem mualamat ini ialah mencapai keredaan Allah SWT dan ganjaran pahalanya melalui sumbangan kewangan untuk menampung aktiviti khidmat sosial, dan sumbangan kewangan pada jalan Allah SWT.

Muamalat yang diperlukan oleh manusia untuk kesejahteraan hidup mereka di dunia dan akhirat mesti selari dengan sistem patuh syariah. Kepatuhan muamalat pada sistem patuh syariah ini bertujuan menjaga kepentingan individu dan masyarakat. Kepentingan sistem patuh syariah dalam muamalat kepada individu adalah untuk mendapat ganjaran pahala daripada Allah SWT. Ia juga menjadi syarat dalam penerimaan doa daripada seseorang hamba kepada Allah SWT. Rahmat Allah SWT juga akan dapat dicapai disebabkan konsistennya individu itu terhadap peraturan Tuhan-Nya. Lebih penting lagi ialah untuk memperolehi kemuliaan di hari akhirat kelak melalui urusan yang berlandaskan muamalat. Sistem patuh syariah juga bertujuan mencapai berkat dan memperolehi kasih sayang daripada Allah SWT. Pematuhan syarak dalam sistem muamalat juga dapat menyelamatkan diri daripada disabitkan dengan seksaan neraka yang dahsyat. Sistem ini juga diharap dapat menyelamatkan diri daripada terkena lagnat dan kemurkaan Allah SWT.

Manakala kepentingan sistem patuh syariah dalam muamalat kepada masyarakat pula ialah mewujudkan masyarakat yang diberkati oleh Allah SWT. Keberkatan ini sangat penting dalam kehidupan di dunia ini. Selain itu, sistem patuh syariah ini juga adalah bertujuan membentuk masyarakat yang penyayang dan bertimbang rasa antara satu sama lain. Ia juga bermatlamat untuk menghapuskan penindasan dan kezaliman dalam kalangan masyarakat,

agar kehidupan masyarakat berada dalam kesejahteraan. Ia juga bertujuan menjauhkan masyarakat daripada sikap permusuhan dan kebencian. Seterusnya sistem ini berusaha menghindari masyarakat daripada mendapat azab dan bala sebagai suatu kemurkaan daripada Allah SWT.

#### **4. Perbincangan**

Artikel ini membincangkan tentang keperluan umat Islam terhadap pengurusan kewangan yang sebenar, di samping kepentingan pengurusannya yang berjalan menurut prinsip syariah Islam. Berdasarkan takrif yang diutarakan oleh Kamus Dewan (2000), pengurusan ialah perihal mengurus sesuatu, dan kewangan pula ialah perihal wang dan segala sesuatu yang berkaitan dengan wang. Keperluan ialah sesuatu yang diperlukan dan dikehendaki, keharusan dan kemestian, manakala kepentingan pula ialah amat perlu, sangat berharga dan mustahak. Patuh syariah bermaksud kepatuhan kepada suruhan Allah SWT untuk mendapatkan keberkatan-Nya (Mohamad & Mansor, 2018). Justeru pentakrifan terhadap tajuk artikel ini menjurus kepada perbincangan tentang keperluan pengurusan kewangan Islam kepada kehidupan sosio ekonomi umat Islam, dan peri pentingnya kepatuhan sistem kewangan itu agar berjalan selari dengan tuntutan syariah.

##### ***4.1 Keperluan Pengurusan Kewangan***

Pengurusan kewangan yang baik dapat menjamin kesejahteraan hidup manusia. Justeru itu manusia sangat memerlukan sistem ini dalam kehidupan mereka. Hakikat ini adalah berdasarkan perkara-perkara berikut:

###### **i) Memenuhi Keperluan Hidup yang Sederhana**

Memenuhi keperluan hidup yang sederhana bagi seseorang insan, seperti usaha dalam mendapatkan makanan, minuman, pakaian, tempat perlindungan, rawatan, perubatan dan pendidikan. Dengan itu, seseorang yang cukup makanannya, memakai pakaian yang bagus, dan menikmati berbagai-bagai kesenangan lain dengan niat dan cara yang baik adalah dibenarkan oleh Islam. Begitu juga barang dan harta yang digunakan dan dimiliki dengan tujuan untuk mencapai matlamat hidup yang lebih sempurna dibolehkan dalam Islam, dan ikhtiar untuk mendapatkannya juga dibenarkan oleh Islam. Berusaha untuk memenuhi kemahuan adalah sesuatu yang diharuskan agama, dan manusia boleh memenuhi semua kehendaknya sehingga wujud faktor lain yang menukar hukum tersebut daripada harus menjadi makruh dan haram. Contohnya dalam penggunaan kain untuk pakaian, yang hukum asalnya adalah harus memakai pakaian yang diingini. Namun selepas pakaian yang dipakai itu semakin banyak dan dilihat melebihi keperluan, maka ia bertukar hukum

menjadi makruh atau haram kerana membazir dalam berpakaian. Maka kehidupan yang boros dan terlalu menurut nafsu adalah sangat ditegah oleh al-Quran. Alasan tegahan ini ialah bahawa pembaziran itu tidak membawa kebaikan.

Islam melarang pemborosan dan hidup yang melampau mengikut hawa nafsu keduniaan, walaupun kenikmatan yang diperoleh itu didapati dengan cara yang sah di sisi undang-undang. Al-Quran menyatakan hal ini dengan jelas, dengan firman Allah SWT:

قُلْ مَنْ حَرَمَ زِيَّةَ اللَّهِ أَلَّيْ أَخْرَجَ لِعِبَادِهِ وَالظَّبَابَتِ مِنَ الرِّزْقِ فُلْ هِيَ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا فِي الْحَيَاةِ  
الْدُّنْيَا حَالِصَةٌ يَوْمَ الْقِيَامَةِ كَذَلِكَ نُفَصِّلُ آلَائِتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ

Terjemahan: Katakanlah: “Siapakah yang mengharamkan perhiasan Allah yang dikeluarkan untuk hamba-hamba-Nya, dan juga benda-benda baik dan halal dari rezeki yang dikurniakan? (al-A‘rāf, 7: 32)

وَعَاتِ ذَا الْقُرْبَى حَقَّهُ وَالْمِسْكِينَ وَأَبْنَ السَّبِيلِ وَلَا تُبَدِّرْ تَبَدِّرِ إِنَّ الْمُبَدِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ  
الشَّيَاطِينِ وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كُفُورًا

Terjemahan: Dan janganlah kamu membazirkan harta kamu itu dengan sewenang-wenangnya. Sesungguhnya orang yang suka membazir itu adalah saudara syaitan. (al-Isrā’, 17: 26-27)

Rasulullah SAW juga pernah bersabda:

كُلُوا وَاشْرِبُوا وَتَصْدِقُوا وَالْبِسُوا مَا لَمْ يَخُالِطْهُ إِسْرَافُ أَوْ مُخْلِيَّةٌ

Terjemahan: Makanlah kamu dan minumlah, bersedekah dan pakailah pakaian tanpa boros dan sompong.

[*Sunan Ibn Majah*, no. Hadis: 3605. Dinilai *hasan* oleh al-Albani]

Al-Quran secara tegas mengutuk cara kehidupan golongan terlalu mewah yang terdapat dalam sejarah. Ia jelas membuktikan bahawa unsur-unsur ini tidak diingini dalam masyarakat Islam (Siddiqi, 1988).

## ii) Memenuhi Tanggungan Keperluan Keluarga

Sesungguhnya tanggungjawab seseorang untuk membantu dan menanggung isteri dan anak-anaknya merupakan lumrah kehidupan. Tanggungjawab ini juga mungkin dilanjutkan kepada ibu bapa yang memerlukan bantuan. Seterusnya dalam keadaan-keadaan yang tertentu, kaum keluarga yang terdekat mungkin “berhak” diberi bantuan. Tanggungjawab begini adalah sah

di sisi undang-undang, dan pihak yang berkenaan, pihak minor dan pihak-pihak lain yang merupakan tanggungan dapat menuntut hak mereka melalui proses undang-undang. Selain daripada itu, terdapat arahan daripada Nabi Muhammad SAW agar memberi pertimbangan kepada tanggungan yang sedemikian. Sabda Rasulullah SAW:

وَأَبْدِأْ مِنْ تَعْوِلٍ

Terjemahan: Mulakanlah sedekah, iaitu perbelanjaan terhadap tanggungan terlebih dahulu.

[*Sahīh Bukhārī*, no. Hadis: 5355]

Sebagaimana dengan semua usaha untuk mendapatkan harta kebendaan yang mempunyai matlamatnya tersendiri, maka usaha memenuhi tanggungan keluarga sedemikian juga dianggap sebagai jihad dan dikira sebagai usaha menuju ke jalan Allah (Siddiqi, 1988). Al-Bayhaqi (2002) meriwayatkan hadis daripada Ibn Umar RA: Seorang lelaki bekerja keras di hadapan mereka (para Sahabah RA). Mereka mengagumi akan semangat kerjanya dan menyatakan seandainya tugasnya itu untuk jalan Allah, tentulah hal itu akan lebih baik lagi, maka mereka mendatangi Nabi SAW, lalu Nabi SAW bersabda (dengan maksudnya): “Sekiranya dia bekerja untuk menyara ibu bapanya yang telah tua maka dia adalah di jalan Allah. Sekiranya dia bekerja untuk menyara anaknya yang masih kecil maka dia di jalan Allah. Sekiranya dia bekerja untuk mencukupkan dirinya maka dia di jalan Allah.

[*Al-Sunan al-Kubra*, no. Hadis: 15742. Dinilai *sahīh* oleh al-Albani]

### iii) Menyediakan Peruntukan Untuk Keperluan Luar Jangka

Islam juga mengakui tentang perlunya manusia menyimpan barang keperluan untuk kegunaan pada masa susah. Firman Allah SWT:

وَلَا تَجْعَلْ يَدَكَ مَغْلُولَةً إِلَى عُنْقِكَ وَلَا تَبْسُطْهَا كُلَّ الْبَسْطِ فَتَقْعُدْ مَلُومًا مَحْسُورًا

Terjemahan: Janganlah engkau membelenggu tanganmu di lehermu (terlalu kedekut) dan janganlah pula engkau menghulurkan dengan seluas-luasnya (terlalu boros) kerana akibatnya engkau akan tercela dan menyesal kesebalan. (*al-Isrā'*, 17: 29)

Rasulullah SAW sendiri menyimpan stok makanan bagi anggaran setahun untuk keluarganya setelah musim memetik tanaman kurma setahun (*al-Bukhari*, 1998). Nabi Muhammad SAW sering mengingati sahabat-sahabatnya agar berjimat dan menasihati mereka agar jangan menghabiskan

semua harta yang ada walaupun harta tersebut digunakan untuk jalan Allah kerana diperlukan harta dan keperluan harian untuk masa hadapan.

Insentif untuk mendapatkan harta menjadi matlamat sangat manusia dan ia dikuatkan dengan adanya dorongan agama. Bagaimanapun Islam menghendaki bahawa insentif begini tidak membawa kepada himpunan kekayaan yang melampaui had yang diperlukan. Himpunan kekayaan yang berlebihan dikutuk oleh agama (Siddiqi, 1988). Firman Allah SWT:

وَيُلْ لِكُلٌّ هُمَزَةٌ لُّمَزَةٌ الَّذِي جَمَعَ مَالًا وَعَدَدَهُ، يَحْسَبُ أَنَّ مَالَهُ أَخْلَدُهُ،

Terjemahan: Kecelakaan besar bagi tiap-tiap pencaci, lagi pengeji yang mengumpulkan harta dan menghitung-hitung kekayaannya. Dia sangka kekayaannya dapat mengekalkannya di dunia ini. (al-Humazah, 104: 1-3)

#### **iv) Menyediakan Bekalan Bagi Keperluan Keluarga Yang Ditinggalkan**

Satu lagi desakan kemanusiaan yang tulen ialah untuk meninggalkan sedikit sebanyak harta untuk keperluan orang-orang di bawah tanggungannya setelah seseorang meninggal dunia. Dengan terdapat hukum pusaka dalam al-Quran, nyatalah betapa diakui seruan sedemikian oleh Islam. Sehubungan dengan aspek ini, Islam menyeru umatnya agar menyimpan harta bagi tujuan tersebut. Rasulullah SAW pernah bersabda kepada Sa‘ad bin Abi Waqqas RA:

إِنَّكُمْ تُدْعَوْ رُوْشَتُكُمْ أَغْنِيَاءَ خَيْرَ مِنْ أَنْ تَدْعُوهُمْ عَالَةً يَتَكَفَّفُونَ النَّاسُ فِي أَيْدِيهِمْ

Terjemahan: Sesungguhnya engkau meninggalkan keluargamu dalam keadaan kaya adalah lebih baik daripada engkau meninggalkan mereka dalam kemiskinan, sehingga mereka terpaksa meminta-minta mengharapkan belas kasihan orang.

[*Sahīh Bukhārī*, no. Hadis: 2742]

Penting dinyatakan bahawa Rasulullah SAW telah menyuarakan sabda di atas kepada Sa‘ad bin Abi Waqqas RA yang tidak pasti sama ada hendak menyerahkan semua hartanya ataupun sebahagian sahaja daripada harta tersebut kepada fakir miskin. Rasulullah SAW membenarkan beliau mewariskan hanya satu pertiga daripada hartanya iaitu menjelaskan prinsip yang terdapat dalam hadis berkenaan. Jadi hakikat sedemikian menunjukkan bahawa Islam tidak menggalakkan perbuatan meninggalkan atau mewariskan harta yang terlalu banyak terhadap keluarga. Sikap kesederhanaan mesti dipatuhi dengan jujur dan bantuan kepada ahli masyarakat yang memerlukan pertolongan mesti dipatuhi dan diberikan keutamaan secara adil (Siddiqi, 1988).

**v) Memberi Khidmat Sosial dan Menyumbang di Jalan Allah.**

Setelah seseorang dapat memuaskan keperluan hidupnya dan juga keperluan orang di bawah jagaannya, juga setelah dia menyimpan sedikit keperluan untuk masa kesusahan dan untuk keturunannya, seseorang tidak patut berdiam diri sahaja dengan tidak berusaha dan menjalankan aktiviti ekonomi. Masih banyak peluang yang terbuka bagi manusia yang gigih berusaha. Sehubungan dengan ini, berkhidmat dan memberi sumbangan sosial mengikut jalan Allah merupakan aktiviti yang dituntut supaya setiap orang Islam berusaha dengan sebaik-baiknya dan memberikan sumbangan sebanyak mungkin. Orang Islam hendaklah menggembung seluruh tenaganya bagi menjayakan cita-cita ini. Dalam banyak perkara, perusahaan ekonomi merupakan perkara yang diutamakan. Firman Allah SWT:

أَنْفِرُوا خِفَاً وَثِقَالًا وَجَاهُوا بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya: Dan berjuanglah kamu dengan harta dan dirimu pada jalan Allah. (al-Tawbah, 9: 41)

Berjuang kerana Allah merupakan tanggungjawab setiap orang Islam. Dan kekayaanlah yang menjadi alat untuk melaksanakan matlamat ini. Berkhidmat kepada masyarakat termasuk membantu fakir miskin dan orang-orang yang memerlukan bantuan, dan juga mengadakan kerjasama ekonomi dalam semua bidang yang boleh dilaksanakan (Siddiqi, 1988). Sehubungan dengan hal ini, perkhidmatan masyarakat amat diutamakan. Rasulullah SAW menganggap manusia itu ibarat keluarga kepada Allah dan sebaik-baik manusia yang disayangi oleh Allah ialah orang yang berbuat baik terhadap keluarganya.

Seorang lelaki bertanya Rasulullah SAW bahawa antara semua manusia, siapakah yang paling disukai oleh Allah. Maka jawab Rasulullah SAW: “Yang amat disukai oleh Allah ialah manusia yang berguna kepada masyarakatnya. Dan perbuatan yang paling disukai-Nya ialah kegembiraan yang ditimbulkan untuk seseorang Islam yang lain atau melepaskannya daripada kesedihan, atau membayar hutang yang ditanggung oleh orang itu, atau menyelamatkannya daripada kelaparan.” (al-Dimyati: 1990)

الساعي على الأئمَةِ والمسكِينِ، كالْمُجاهِدِ في سَبِيلِ اللَّهِ، أَوِ الْقائمِ اللَّيْلَ الصَّائِمُ النَّهَارَ

Terjemahan: Orang yang memberi bakti kepada janda dan orang miskin adalah seperti orang yang berjuang di jalan Allah, atau orang yang menghidupkan malam, berpuasa pada siang hari.

[*Sahīh Bukhārī*, no. Hadis: 5353]

## 4.2 Kepentingan Patuh Syariah

Mematuhi hukum-hukum syarak dalam kehidupan seharian seorang muslim terutamanya dalam aktiviti muamalat mempunyai kebaikan dan kepentingan yang tersendiri. Kepentingan ini dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu kepentingan kepada individu dan kepentingan kepada masyarakat.

### 4.2.1 Kepentingan Kepada Individu

Unsur muamalat yang berteraskan prinsip fiqh sosial antara lain adalah bertujuan menjamin satu susunan kehidupan sosial yang adil, aman, harmoni dan lestari (Abdullah, 2009). Kepentingannya kepada individu adalah sebagaimana berikut:

#### i) Menjadi syarat pemberian pahala oleh Allah.

Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبِلُ إِلَّا طَيِّبًا

Terjemahan: Sesungguhnya Allah itu Zat yang Baik, tidak menerima kecuali yang baik.

[*Sahīh Muslim*, no. Hadis: 1015]

Hadis di atas menjelaskan bahawa Allah hanya menerima amalan dan memberi ganjaran pahala pada kegiatan manusia yang bersumberkan halal dan mengikut batasan yang dibenarkan syariah sahaja (al-Nawawi, 1997).

#### ii) Menjadi Syarat Penerimaan Doa

Rasulullah SAW menyebut seorang lelaki yang dalam perjalanan jauh, sehingga rambutnya kusut dan berdebu. Dia mengangkat kedua tangan ke langit seraya berdoa: “Wahai Tuhan, wahai Tuhan”, sedangkan makanannya haram, minumannya haram, pakaiannya haram dan dia dikenangkan dengan barang haram. Maka bagaimakah akan diperkenankan doa?

وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ، وَمَشْرِبُهُ حَرَامٌ، وَمَلْبُسُهُ حَرَامٌ، وَغُدِّيٌّ بِالْحَرَامِ، فَأَنَّ يُسْتَجَابُ لَهُ

[*Sahīh Muslim*, no. Hadis: 1015]

Hadis tadi menyebut tentang makanan, minuman, pakaian yang haram. Makanan yang haram bukan sahaja terdiri dari makanan yang diharamkan oleh Allah seperti babi dan bangkai malah ia juga meliputi makanan yang dibeli dengan menggunakan wang yang diperolehi dari sumber haram seperti wang curi, rasuah dan riba (al-Nawawi, 1997).

### **iii) Mendapat Rahmat Allah.**

Rasulullah SAW bersabda:

رَحْمَةُ اللَّهِ رِجْلًا سَمِحَا إِذَا بَاعَ وَإِذَا اشْتَرَى وَإِذَا اقْتَضَى

Terjemahan: Allah memberi rahmat kepada seseorang yang baik layanannya ketika menjual, membeli, dan meminta hutang.

[*Sahīh Bukhārī*, no. Hadis: 2076]

Hadis tadi menjelaskan bahawa layanan baik dan kesopanan yang merupakan salah satu prinsip syariah akan diberi balasan yang baik oleh Allah iaitu diberi keberkatan dan rahmat (Ibn Battal, 2003).

### **iv) Memperolehi Kemuliaan di Akhirat.**

Rasulullah SAW bersabda:

النَّاجِرُ الصَّدُوقُ الْأَمِينُ مَعَ النَّبِيِّنَ وَالصَّدِيقِينَ وَالشَّهِداءِ

Terjemahan: Peniaga yang jujur lagi amanah akan ditempatkan bersama-sama para nabi, orang-orang yang benar dan para syuhada.

[*Jami‘ al-Tirmidhi*, no. Hadis: 1209. Dinilai *hasan* oleh al-Tirmidhi]

Hadis di atas menerangkan kebaikan seorang ahli korporat yang mengikut landasan syariah dalam aktiviti muamalatnya. Ahli korporat tersebut mestilah bersifat dengan sifat jujur dan amanah barulah dia akan dapat kemuliaan di akhirat dengan ditempatkan bersama golongan yang mendapat kemuliaan iaitu para Nabi, orang-orang yang benar dan orang-orang yang mati syahid.

#### v) Mendapat Berkat

Rasulullah SAW bersabda:

الْبَيْعَانِ بِالْخِيَارِ مَا لَمْ يَتَقْرَأْ، فَإِنْ صَدَقاً وَيَسِّنَا بُورَكٌ لَهُمَا

Terjemahan: Jual beli antara penjual dan pembeli berlaku dengan bebas (dibenarkan membuat pilihan) selama mana mereka belum berpisah. Jika kedua-duanya jujur dan berterus terang, maka kedua-duanya akan diberi berkat.

[*Sahīh Bukhārī*, no. Hadis 2110]

Dalam hadis di atas, Rasulullah SAW memberi jaminan kepada peniaga yang berpegang dengan prinsip-prinsip syariah akan diberkati dalam perniagaannya. Manakala perniagaan yang tidak menelusuri prinsip tersebut akan ketiadaan keberkatannya (al-Nawawi, 1997).

#### vi) Memperolehi Kasih Sayang Allah.

Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ سَمْحَ الْبَيْعِ سَمْحَ الشَّرَاءِ سَمْحَ الْقَضَاءِ

Terjemahan: Allah mengasihani orang-orang yang mudah dalam urusan menjual, membeli, dan membayar hutang.

[*Jami‘ al-Tirmidhi*, no. Hadis: 1319. Dinilai *sahīh* oleh al-Albānī]

Di dalam hadis tadi, Rasulullah SAW menekankan tentang kasih sayang Allah yang akan diperolehi oleh orang-orang yang sentiasa mengikuti kehendak Allah. Apabila Allah mengasihani seseorang, maka segala urusannya akan diper mudahkan.

#### vii) Menyelamatkan Diri Dari Seksaan Neraka.

Allah SWT berfirman:

وَيُلْلَهُ لِلْمُطَفِّفِينَ أَذْلَى إِذَا أَكْتَالُوا عَلَى النَّاسِ يَسْتَوْفُونَ وَإِذَا كَالُوهُمْ أَوْ وَرَنُوهُمْ يُخْسِرُونَ

Terjemahan: Kecelakaan besar bagi orang-orang yang curang (dalam timbangan dan sukatana), iaitu mereka yang apabila menerima sukatana (gantang cupak) dari orang lain mereka mengambilnya dengan cukup, dan (sebaliknya)

apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka kurangi. (al-Mutaffifin, 83: 1-3)

Ayat tadi menjadi ancaman azab bagi orang yang menjalankan aktiviti muamalat tetapi tidak berpegang dengan prinsip-prinsip syariah dengan mengurangkan timbangan dan sukatan (Ibn Kathir, 1994).

### viii) Menyelamatkan Diri Dari Kena Laknat.

Aktiviti muamalat yang melanggar prinsip-prinsip syariah akan dilaknat. Antara aktiviti muamalat yang akan dilaknat ialah aktiviti yang melibatkan riba, arak dan monopoli. Jabir RA berkata:

لَعْنَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَكْلُ الرِّبَا وَمُوْكَلُهُ وَشَاهِدُهُ وَكَاتِبُهُ

Terjemahan: Rasulullah SAW melaknat penerima riba (pemakan riba), pemberi riba, penulis riba dan dua orang saksi riba.”

[*Jami‘ al-Tirmidhi*, no. Hadis: 1206. Dinilai *hasan sahih* oleh Tirmidhi]

Hadis di atas menjelaskan laknat dan kutukan terhadap semua pihak yang terlibat dengan aktiviti riba dan semua aktiviti yang batil (al-Nawawi, 1997). Dosa riba termasuk dosa besar yang telah diisyiharkan perang oleh Allah dan Rasul-Nya. Orang yang memakan riba akan bangun dari kubur dalam keadaan terhuyung-hayang kerana dirasuk syaitan. Sementara orang telah mendapati peringatan tetapi masih meneruskan amalan riba itu akan kekal sebagai penghuni neraka. Sabda Rasulullah SAW:

لَعْنَ اللَّهِ الْحَمْرَ وَشَارِكُهَا وَسَاقِيَهَا وَمُبَتَاعَهَا وَعَاصِرَهَا وَمُعْتَصِرَهَا وَحَامِلَهَا وَالْمَحْمُولَةُ إِلَيْهِ

Terjemahan: Allah telah mengutuk minuman arak, peminumnya, penuangnya, penjualnya, pembelinya, pemerahnya, pembawanya, dan orang yang meminta ia dibawa kepadanya.

[*Sunan Abi Dawud*, no. Hadis: 3674. Dinilai *sahīh* oleh al-Albānī]

Dalam hadis di atas, semua pihak yang terlibat dengan aktiviti arak akan dilaknat Allah (Ibn Ruslan, 2016). Arak yang dianggap segala ibu kejahanan, mestilah dijauhi sebagaimana perintah Allah dalam al-Quran. Sabda Rasulullah SAW:

الْجَالِبُ مَرْزُوقٌ، وَالْمُحْتَكِرُ مَلْعُونٌ

Terjemahan: Orang yang berusaha akan dilimpahi rezeki dan pemonopoli akan dikutuk.

[*Sunan Ibn Majah*, no. Hadis: 2153. Dinilai *da‘if* oleh al-Albānī]

Hadis tadi menyebut tentang lakanat dan kutukan ke atas orang yang memonopoli barang keperluan orang ramai. Orang yang memonopoli barang juga dianggap sebagai orang yang berdosa dan terputus hubungannya dengan Allah selama empat puluh hari. Allah juga akan menjadikannya sebagai orang muflis dan ditimpa penyakit kusta.

#### **4.2.2 Kepentingan Kepada Masyarakat**

Kepentingan muamalat patuh syariah adalah untuk memupuk susunan kehidupan sosial yang adil, aman, harmoni dan lestari termasuklah dalam aspek rukun bermasyarakat (Abdullah, 2009). Kepentingannya adalah seperti berikut:

##### **i) Mewujudkan Masyarakat Yang Diberkati.**

Allah SWT berfirman:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامْنُوا وَأَتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِمْ بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَا كِنْ كَذَّبُوا فَأَخْذَنَاهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ

Terjemahan: Dan sekiranya penduduk negeri itu beriman dan bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan bumi. (al-A‘raf, 7: 96)

Ayat tadi menjelaskan sekiranya penduduk sesuatu tempat beriman dan bertakwa, Allah pasti akan membuka kepada mereka pintu pengurniaan yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan bumi (Ibn Kathir: 1994). Pematuhan kepada segala prinsip syariah adalah termasuk dari kategori bertakwa kepada Allah.

##### **ii) Membentuk Masyarakat Penyayang.**

Rasulullah SAW telah mengajar umatnya satu kaedah mudah untuk berkasih sayang dalam sabdanya:

لَا تَنْدُخُلُوا الْجَنَّةَ حَتَّىٰ تُؤْمِنُوا وَلَا تُؤْمِنُوا حَتَّىٰ تَحَبُّو أَفْلَأَ أَذْكُرُكُمْ عَلَىٰ أَمْرٍ إِذَا فَعَلْتُمُوهُ تَحَابِبُنِّمْ أَفْشُوا  
السَّلَامَ بَيْنَكُمْ

Terjemahan: Kamu semua tidak akan dapat syurga sehingga kamu beriman, kamu tidak akan benar-benar beriman sehingga kamu dapat berkasih sayang. Sudikah kalau aku tunjukkan kepada kamu sesuatu amalan yang jika dilakukan dapat mewujud kasih sayang sesama kamu? (Iaitu) Sebarkan memberi salam dalam kalangan kamu.

[*Sunan Ibn Majah*, no. Hadis: 68. Dinilai *sahīh* oleh al-Albānī]

Masyarakat penyayang boleh diwujudkan melalui cara memberi salam. Memberi salam bukan sekadar lafadz sahaja tetapi simbolik bahawa kita ingin menjalankan persahabatan dan mewujudkan perdamaian. Kalau dengan amalan memberi salam yang mudah dan ringkas itu dapat mengerat rasa kasih sayang, maka melalui aktiviti muamalat yang diterapkan sifat jujur, amanah, tolak ansur dan ihsan, pasti rasa kasih sayang itu akan lebih subur lagi.

### **iii) Menghapuskan Penindasan dan Kezaliman di Kalangan Masyarakat.**

Rasulullah SAW bersabda:

كُلُّ مُسْلِمٍ عَلَى الْمُسْلِمِ حَرَامٌ دَمُهُ وَمَالُهُ وَعِرْضُهُ

Terjemahan: Setiap Muslim terhadap Muslim lain itu haram darahnya, hartanya dan kehormatannya.

[*Sahīh Muslim*, no. Hadis: 2564]

Hadis di atas menggambarkan bahawa persaudaraan sesama Islam mengehendaki seseorang itu mengelakkan perbuatan-perbuatan yang menzalimi saudaranya, sama ada pada tubuh badan, harta dan maruah. Dalam aktiviti muamalat, amalan seperti riba dan mengurangi sukatan dan timbangan adalah amalan yang menindas saudara Islam. Aktiviti seperti itu diancam azab oleh Allah dan mesti dipatuhi dengan meninggalkannya. Justeru itu keadilan dan kebertanggungjawaban menjadi isu penting dalam pelaksanaan muamalat yang ideal (Arsad, et al, 2014).

### **iv) Menjauhi Permusuhan dan Kebencian.**

Allah SWT berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَانُوا إِنَّمَا أَخْمَرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ  
لَعْلَكُمْ تُفْلِحُونَ إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوَقِّعَ بَيْنَكُمُ الْعَدَاوَةَ وَالْبَعْضَاءَ فِي الْحُمْرِ وَالْمَيْسِرِ  
وَيَصُدَّكُمْ عَنِ ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الْأَصْلَوَةِ فَهَلْ أَنْتُمْ مُنْتَهُونَ

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah adalah kotor dan daripada perbuatan syaitan, maka jauhilah ia mudah-mudahan kamu berjaya. Sesungguhnya syaitan itu hanyalah bermaksud muh menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi, dan muh memalingkan kamu daripada mengingati Allah dan daripada mengerjakan sembahyang. Oleh itu mahukah kamu berhenti? (al-Ma''idah, 5: 90-91)

Ayat tersebut menjelaskan bahawa aktiviti yang melibatkan judi dan arak adalah aktiviti syaitan yang akan menimbulkan permusuhan dan kebencian dalam kalangan pengamalnya (Ibn Kathir, 1994). Keburukan seperti itu mudah menular dalam kalangan masyarakat. Justeru itu, Islam melarang aktiviti muamalat yang melibatkan unsur ketidakpastian (*gharar*) seperti menjual ikan dalam air, menjual buah sebelum masak dan lain-lain aktiviti yang boleh membawa kepada kebencian dan permusuhan.

v) Menghindari Masyarakat Dari Azab dan Bala Allah.

Perbuatan maksiat dan dosa akan mengundang kemurkaan dan azab daripada Allah. Dalam hal ini, Rasulullah SAW telah bersabda:

إِذَا ظَهَرَ الزَّنَادُ وَالرَّسَابُ فِي قَرْبَةِ ، فَقَدْ أَحْلَوْا بِأَنفُسِهِمْ عَذَابَ اللَّهِ

Terjemahan: Apabila perbuatan zina dan amalan riba wujud pada sesebuah kampung, maka penduduk kampung itu mendedahkan diri mereka kepada azab Allah.

[*Al-Mustadrak*, no. Hadis; 2316. Dini lai *hasan li ghairihi* oleh al-Albānī]

Al-Quran juga menyebutkan peringatan daripada Allah SWT yang akan menimpa azab dan bencana pada sesuatu tempat tanpa mengira beriman atau tidak berimannya orang-orang yang menempati tempat tersebut. Firman Allah SWT:

وَأَنْقُوا فِتْنَةً لَا تُصِيبَنَ الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْكُمْ خَاصَّةً وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ  
Terjemahan: Dan jagalah diri kamu daripada (berlakunya) dosa (yang

membawa bala bencana) yang bukan sahaja akan menimpa orang-orang yang zalim di antara kamu secara khusus (tetapi akan menimpa kamu secara umum). (al-Anfal, 8: 25)

Maka berdasarkan dalil nas di atas, dapat difahami bahawa menjadi sebab pada turunnya azab dan bala daripada Allah SWT ialah apabila berlakunya maksiat dan kezaliman dosa yang dilakukan oleh manusia di sesuatu tempat (Ibn Kathir, 1994). Jadi, untuk mendapatkan kedamaian dan kesejahteraan maka perlulah dijauhi segala macam dosa dan maksiat, kerana azab yang mengenai sesuatu penempatan tidak lagi memilih pelaku dosa dan maksiat sahaja malah akan mengenai juga orang-orang salih yang ada di situ.

## 5. Kesimpulan

Dari perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa aktiviti muamalat yang berkaitan pengurusan kewangan adalah sangat diperlukan dalam kehidupan manusia sebagai hamba dan Khalifah di muka bumi. Pengurusan kewangan tersebut adalah melibatkan keperluan umat Islam tentang muamalat yang boleh mengurus kewangan dalam kehidupan sehari-hari demi keharmonian hidup. Selain itu juga, umat Islam perlu mendapat penjelasan tentang pengurusan kewangan yang berlandaskan sistem patuh syariah, agar urusannya menepati peraturan syarak dan beroleh keberkatan daripada Allah SWT. Dapatkan kajian mendapati bahawa keperluan pengurusan kewangan semestinya menepati kehendak syarak, dan sistem patuh syariahnya adalah bertepatan dengan landasan syarak. Justeru pengurusan kewangan yang patuh syariah perlu diguna pakai oleh semua pengurusan kewangan konvensional. Tuntutan ini adalah kerana pengurusan kewangan patuh syariah sahaja yang menepati hukum syarak, dan dapat menjaga kesejahteraan pengurusan kewangan insan di dunia ini. Pengurusan kewangan yang tidak selari dengan tuntutan syarak akan menjauhkan harta dan kehidupan umat Islam daripada keberkatan ilahi. Hal ini akan memberikan kerugian kepada umat Islam di dunia dan juga di akhirat kelak. Untuk mendapat penjelasan yang lebih lanjut dan jelas, dicadangkan kajian akan datang adalah berkenaan kajian perbandingan antara pengurusan kewangan patuh syariah dengan pengurusan kewangan konvensional. Kajian perbandingan ini adalah untuk melihat sejauh mana kebaikan dan keburukan yang terhasil daripada pengamalan pengurusan kedua-dua sistem kewangan tersebut. Dan umat Islam tentunya akan dapat mengambil manfaat dan faedah yang sangat berguna untuk memilih pengurusan kewangan yang terbaik dan berkat dalam kehidupan kewangan mereka.

## Rujukan

- Abdullah, A. (2009). Fiqh lestari: Ke arah penyusunan prinsip-prinsip muamalat Islam untuk pembangunan lestari yang sepadu. *Jurnal Malim*, 10.
- Al-Albani, M. N. (1985). *Irwa' al-Ghalil fi Takhrij AHadis Manar al-Sabil*. Susunan: Zuhayr al-Shawish. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Al-Albani, M. N. (t.th). *Sahih al-Taghrib wa al-Tarhib*. Riyad: Maktabah al-Ma‘arif.
- Al-Ash‘ath, S. (1999). *Sunan Abi Dawud*. Riyad: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.
- Al-Bayhaqi, A. H. (2002). *Al-Sunan al-Kubra*. Tahqiq: Muhammad ‘Abd al-Qadir ‘Ata. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Bukhari, M. I. (1998). *Sahih al-Bukhari*. Susunan: Abu Suhayb al-Karami. Riyad: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.
- Al-Dimyati, (1990). *Al-Matjar al-Rabih Fi Thawab al-Amal al-Salih*. Beirut: Muassasah al-Kutub al-Thaqafiyyah.
- Al-Hajjaj, M. (1998). *Sahih Muslim*. Susunan: Abu Suhayb al-Karmi. Riyad: Bayt Afnkar al-Dawliyyah.
- Al-Hakim, N. (1997). *Al-Mustadrak ‘ala al-Sahihayn*. Kaherah: Dar al-Haramain.
- Al-Nawawi, M. (1997). *Al-Minhaj Syarh Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Ma‘rifah.
- Al-Safarini, M. A. (2007). *Kashf al-Litham Syarh ‘Umdah al-Ahkam*. Susunan: Nur al-Din Talib. Kuwait: Wizarah al-Awaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah.
- Al-Tabrizi, M. A. (1985). *Mishkah al-Masabih*. Tahqiq: Muhammad Nasir al-Din al-Albani. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Al-Tirmidhi, M. I. (1999). *Jami‘ al-Timidhi*. Riyad: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.
- Arsad, S., Said, R., Yusoff, H., Haji-Othman, Y., Ahmad, R., & Muamalat, K. (2014). The relationship between Islamic corporate social responsibility and firm’s performance: Empirical evidence from Shari‘ah compliant companies. *European Journal of Business and Management*, 6(36), 161-174.
- Ghani, H. A., & Yaacob, N. (2021). Prinsip-Prinsip Syariah dalam Aktiviti Muamalat. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 2(1), 111-130.
- Hamidi bin Abdul Ghani dan Nurul Akma bt Mohamad, (2009), Maqasid Syariah Dalam Pentadbiran Negara, Kota Bharu, Jabatan Al-Syariah KIAS.
- Hamka, A. M., (1993). *Tafsir al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Hanbal, A. (1998). *Musnad Ahmad bin Hanbal*. Riyad: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.
- Ibn Battal, A. KH. (2003). *Sharh Sahih al-Bukhari*. Tahqiq: Abu Tamim Yasir bin Ibrahim. Riyad: Maktabah al-Rushd.
- Ibn Kathir, I. K. (1994). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Semakan: ‘Abd al-Qadir al-Arna’ut. Dimashq: Maktabah Dar al-Fiha’.
- Ibn Majah, M. Y. (1999). *Sunan Ibn Majah*. Riyad: Bayt Afnkar al-Dawliyyah.
- Ibn Ruslan, A. H. (2016). *Sharh Sunan Abi Dawud*. Fayyum: Dar al-Falah.
- Kamri, N. A. (2020). PNB dan Pengurusan Hotel Patuh Syariah: [PNB and Sharia Compliant Hotel Management]. *Ulum Islamiyyah*, 31, 67-79.
- Mohamad, M. H., & Mansor, F. (2018). Hubungkait Patuh-Syariah dengan Konsep Keberkatan: Tinjauan dalam Konteks Standard Halal Ms 1900: The Relationship between Shariah-Compliance and the Concept of Barakah: An Overview within the Context of MS 1900 Halal Standard. *Journal of Fatwa Management and Research*, 179-197.
- Opir, H., Yusof, M., Abdullah, L., Siren, N., Md Yusoff, Y., & Abdullah, W. Y. (2017). Pembinaan Kriteria Filem Patuh Syariah di Malaysia. *AL-ABQARI: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*.
- Siddiqi, M. N. (1988). *Perusahaan Ekonomi Dalam Islam*. Terjemahan: Md. Sharit Baharudin dan Akibah Abu Hassan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.